

17 JUL 1997

Maulidur-Anugerah (Bergambar)

PENGETUA SEKOLAH DAN ORANG ASLI ANTARA PENERIMA ANUGERAH MAULIDUR RASUL

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Sebelas tokoh yang berjasa dalam pelbagai bidang ke arah kesejahteraan masyarakat Malaysia hari ini diberikan Anugerah Maulidur Rasul 1418 sebagai penghargaan terhadap sumbangan mereka kepada masyarakat.

Mereka menerima anugerah berupa sebuah plak, sijil dan buku-buku terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada majlis sambutan peringkat kebangsaan di Stadium Negara.

Seorang daripada penerima ialah Puan Wee Beng Tang, 55, pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa Wei Sin, Kuala Terengganu yang antara sumbangannya ialah mewujudkan asrama untuk pelajar cacat pendengaran dan berusaha mencari pekerjaan untuk mereka.

Beliau juga membina dan mengurus pusat dan sekolah harian untuk kanak-kanak cacat akal di Kuala Terengganu.

Seorang Orang Asli dari suku Temiar, Encik Adnan Alang Samad, turut diberi pengiktirafan terhadap sumbangannya mengekang ancaman fahaman komunis daripada meresap dan mempengaruhi masyarakat Orang Asli.

Seorang lagi penerima ialah DSP Jamaluddin Abd Majid yang berjaya membongkar sindiket penipuan saham berjumlah hampir RM4 juta dan menumpaskan sindiket wang palsu yang hampir menggugat kestabilan ekonomi negara.

Lans Kpl Hazman Ayob pula menerima anugerah kerana kecemerlangannya memberi perlindungan keselamatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa melawat Vietnam ketika suasana negara itu berbahaya.

Seorang ulama dari Kedah, Syeikh Zakaria Ahmad Wan Besar pula diberi pengiktirafan kerana mengarang 30 buah kitab agama dalam pelbagai bidang dan masih cergas membimbing muridnya walaupun sudah berusia 69 tahun.

Penerima lain ialah Pengetua Maahad Al-Masyhoor Pulau Pinang Haji Shafie Mohd Zain, pemimpin aktiviti sosial wanita di Pahang Datuk Hajah Zulida Adam, Pengerusi Gerakan Belia 4B Negeri Sembilan Encik Ayob Yahya, Penggerak Masyarakat Orang Asli Pahang Wan Abdullah Wan Yaakob.

Dua lagi penerima ialah Penggerak Masyarakat Orang Asli Selangor Encik Osman Nandood dan Pembantu Tadbir Lembaga Pelabuhan Klang Encik Hamidon Mohammad. -- BERNAMA

MNY TM FAZ